



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
Sukatan Pelajaran

PENDIDIKAN SIVIK
DAN
KEWARGANEGARAAN



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Sukatan Pelajaran

**PENDIDIKAN SIVIK
DAN
KEWARGANEGARAAN**



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR


Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Penggubalan kurikulum mata pelajaran ini bertujuan memantapkan Akta Pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21.

Penggubalan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ini, memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyediakan murid untuk memainkan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, beretika tinggi, hidup dalam semangat perpaduan dan berupaya menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan bijaksana. Diharapkan kurikulum ini dapat membentuk peribadi murid yang berkeyakinan dan tabah dalam mengatasi segala rintangan dan cabaran hidup.

Mata pelajaran ini ialah mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah menengah. Kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merangkumi aspek-aspek pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik.

Adalah diharapkan guru akan menghayati dan melaksanakan kehendak-kehendak sukatan pelajaran ini agar matlamat dan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai.

Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya sukatan pelajaran ini.



(TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

Pendahuluan

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam kurikulum kebangsaan sekolah menengah bagi melahirkan murid yang patriotik dan bertanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Kandungan mata pelajaran ini memberi tumpuan kepada hubungan murid dengan masyarakat, peranan, hak dan tanggungjawab diri sebagai warganegara dan pemupukan nilai yang perlu untuk membentuk individu yang dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara. Justeru, unsur-unsur patriotisme dan perpaduan menjadi intipati dalam perancangan kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan peringkat menengah. Mata pelajaran ini membolehkan murid memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan melalui pengajaran dan pembelajaran yang berinteraktif dan berpusatkan murid.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan menekankan empat prinsip pendidikan yang penting iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*). Belajar untuk mengetahui dapat mengembangkan kebolehan murid menguasai ilmu dan membantu mempengaruhi perasaan dan tingkah laku sivik. Belajar untuk bertindak merujuk kepada aplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian murid yang dikembangkan menerusi aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Prinsip ini membolehkan murid menguasai kemahiran untuk kerjaya masa depan dan kemahiran menghadapi serta menangani cabaran. Belajar untuk membentuk peribadi penting bagi perkembangan menyeluru setiap individu yang merangkumi aspek rohani, fizikal, intelek, emosi dan sosial. Prinsip belajar untuk hidup bersama merupakan asas dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian dan amat bersesuaian dengan latar masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Melalui prinsip ini, unsur perpaduan dalam keluarga, komuniti dan masyarakat pelbagai kaum dapat dipupuk.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ialah mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah menengah. Selaras dengan ini, pihak sekolah bertanggungjawab membina sahsiah dan potensi murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu bagi murid untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab sivik dan kewarganegaraan. Murid perlu dipupuk dengan pemikiran kritis dan kreatif serta kesedaran sivik dan kewarganegaraan untuk melahirkan warganegara yang patriotik dan dapat memainkan peranan yang konstruktif dalam pembangunan negara.

Matlamat

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegar yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

Objektif

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan kemahiran dan nilai.

Objektif Pengetahuan:

- i. Mengenal pasti ciri-ciri peribadi yang boleh menyumbang terhadap pembangunan masyarakat dan negara.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab keluarga terhadap pembentukan masyarakat yang sejahtera.
- iii. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu.
- iv. Menjelaskan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang progresif dinamik dan patriotik.
- v. Menghuraikan peranan dan tanggungjawab warganegara terhadap pembangunan negara.
- vi. Mengetahui cara-cara menangani cabaran dan ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara.

Objektif Kemahiran:

- i. Mendisiplinkan diri dalam mencapai wawasan diri dan negara.
- ii. Menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga untuk melahirkan keluarga yang bahagia.
- iii. Berinteraksi dengan anggota masyarakat pelbagai kaum untuk mewujudkan perpaduan negara.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan masyarakat.
- v. Bekerjasama dengan anggota masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vi. Menyertai aktiviti pembangunan masyarakat dan negara.
- vii. Mengambil tindakan wajar dalam menghadapi pelbagai situasi.

Objektif Nilai:

- i. Mempunyai wawasan untuk mencapai kejayaan diri, masyarakat dan negara.
- ii. Menghargai sumbangan keluarga dalam membentuk masyarakat yang mampan.
- iii. Berbangga terhadap keunikan pelbagai budaya sebagai keistimewaan masyarakat Malaysia.
- iv. Menghargai kepentingan alam sekitar dalam meningkatkan kualiti hidup.
- v. Bersikap prihatin terhadap anggota masyarakat yang memerlukan bantuan demi kesejahteraan bersama.
- vi. Menunjukkan kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.
- vii. Cinta akan negara dan sanggup berkorban untuk negara.
- viii. Menunjukkan semangat kekitaan dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara dan sejagat.

Organisasi Kandungan

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik. Pengetahuan sivik terdiri daripada maklumat dan idea asas yang murid harus tahu serta menggunakannya untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan produktif. Maklumat asas ini merangkumi aspek pencapaian sendiri, hubungan kekeluargaan masyarakat pelbagai kaum dan budaya di Malaysia, sistem politik dan perundangan, ekonomi dan cabaran masa depan.

Kemahiran sivik terdiri daripada kemahiran intelektual dan partisipator. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini membolehkan murid membuat keputusan menyelesaikan masalah, meningkatkan kesedaran sivik dan membuat sumbangan terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Komponen nilai sivik terdiri daripada nilai murni yang perlu untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia dan warganegara yang bertanggungjawab. Nilai sivil ini, antara lain merangkumi toleransi, menghormati hak orang lain, adil, saksama, patriotisme dan integriti. Nilai sivik juga menekankan komitmen untuk memelihara proses demokrasi dan menghargai persamaan dan kelainan dalam masyarakat pelbagai budaya.

1. Kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

Kandungan mata pelajaran ini digubal secara tematik. Penggubalan tema ini mengambil kira dimensi peribadi dan sosial murid yang berkembang dari diri individu, hubungan dengan keluarga, masyarakat sekolah, komuniti luar sekolah, negara dan cabaran masa depan yang juga merangkumi masyarakat global.

Dalam konteks ini unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik menjadi fokus pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Tema yang ditetapkan adalah seperti berikut:

i. Pencapaian Kendiri

Tema ini menghuraikan tentang perkembangan diri ke arah kecemerlangan yang meliputi aspek identiti dan wawasan diri, sifat-sifat peribadi mulia, kebolehan membuat keputusan, pemilihan kerjaya dan pendidikan sepanjang hayat. Topik dalam tema ini ialah:

- Identiti diri
- Penyelesaian konflik
- Kecemerlangan diri
- Pilihan kerjaya
- Keputusan yang bijak dan adil
- Wawasan diri
- Perkembangan diri yang seimbang
- Pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan negara
- Perikemanusiaan ke arah kesejahteraan negara

ii. Hubungan Kekeluargaan

Tema ini menghuraikan pembinaan keluarga bahagia, keperluan berkeluarga dan persiapan hidup berkeluarga. Topik dalam tema ini ialah:

- Keluarga bahagia
- Perpaduan dalam keluarga
- Tanggungjawab terhadap keluarga
- Keperluan berkeluarga
- Persiapan membina keluarga ke arah pembentukan masyarakat mapan

iii. **Hidup Bermasyarakat**

Tema ini menghuraikan aspek hubungan individu dengan anggota masyarakat dan alam sekitar, cara menangani isu-isu sosial dan sumbangan individu terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Topik dalam tema ini ialah:

- Bangga terhadap sekolah
- Penjagaan dan peningkatan imej sekolah
- Hormati hak orang lain
- Pemupukan semangat kekitaan
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
- Kepekaan dan tindakan terhadap isu dan masalah alam sekitar
- Kepekaan dan tindakan terhadap isu dan masalah sosial dalam masyarakat
- Peraturan dan undang-undang dalam masyarakat
- Sumbangan terhadap pembangunan masyarakat melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan

iv. **Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia**

Tema ini menghuraikan aspek pengekalan dan penghargaan terhadap warisan budaya dan pemahaman tentang ajaran dan amalan pelbagai agama masyarakat Malaysia. Topik dalam tema ini ialah:

- Cerita rakyat pelbagai kaum
- Warisan kesenian pelbagai kaum
- Adat resam dan pantang larang pelbagai kaum
- Prinsip-prinsip penting dalam ajaran agama
- Kepentingan amalan-amalan tertentu dalam perayaan pelbagai kaum
- Sumbangan pelbagai pihak terhadap warisan budaya Malaysia
- Mempromosikan warisan budaya Malaysia di dalam dan di luar negara

v. **Malaysia Negara Berdaulat**

Tema ini menghuraikan unsur patriotik dan kedaulatan negara, sistem pemerintahan negara dan hak dan tanggungjawab warganegara. Topik dalam tema ini ialah:

- Kerajaan demokrasi
- Sistem demokrasi berparlimen di Malaysia
- Raja Berperlembagaan
- Tugas dan tanggungjawab warganegara dalam kerajaan demokrasi
- Jentera pentadbiran Negara Malaysia
- Kenali kementerian-kementerian di Malaysia
- Kepentingan Perlembagaan Malaysia
- Peruntukan utama Perlembagaan Malaysia
- Mengekalkan kedaulatan negara
- Melengkapkan diri untuk mewarisi negara

vi. Cabaran Masa Depan

Tema ini menghuraikan tanggungjawab dan sumbangan masyarakat terhadap negara dan keamanan sejagat serta kesediaan menghadapi cabaran globalisasi. Topik dalam tema ini ialah:

- Kesenambungan kesejahteraan rakyat
- Kestabilan dan keberkesanan jentera pentadbiran negara
- Bekerjasama dan bersatu padu dalam menghadapi pelbagai cabaran
- Mengekalkan keamanan negara dan sejagat
- Memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dipraktikkan
- Membina budaya kerja yang cemerlang ke arah kemakmuran negara
- Pengguna yang rasional
- Menjana pembangunan negara
- Menangani cabaran globalisasi
- Mengekalkan dan meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara

Tema dalam mata pelajaran ini tidak terikat dengan urutan dan guru boleh menyesuaikan tema-tema ini dengan aktiviti dan isu semasa yang berlaku dalam sekolah, masyarakat, negara atau di peringkat antarabangsa. Misalnya, tema Malaysia Negara Berdaulat boleh diajar dalam konteks sambutan bula kemerdekaan agar murid dapat memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai warganegara dengan lebih berkesan dan bermakna.

2. Khidmat Masyarakat

Khidmat Masyarakat merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Khidmat Masyarakat ialah kerja sama yang dijalankan di luar jadual waktu persekolahan. Murid dikehendak menjalankan satu projek Khidmat Masyarakat **sekurang-kurangnya 10 jam setahun dan menyediakan laporan**. Melalui Khidmat Masyarakat ini, murid diharapkan dapat merealisasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivil. Penyertaan murid dalam kerja projek ini juga dapat menyediakan warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Pihak sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan murid menjalankan kerja projek mengikut tingkatan dan tema seperti dalam senarai cadangan di bawah. Namun begitu, **murid boleh memilih projek Khidmat Masyarakat lain yang difikirkan sesuai**.

Tingkatan	Tema	Cadangan Khidmat Masyarakat
1	<ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian Kendiri • Hubungan Kekeluargaan 	<ul style="list-style-type: none"> - Projek <i>Learning to Say No</i> - Projek Kaunseling Rakan Sebaya - Projek penjagaan kesihatan dan keselamatan diri - Kajian kehidupan keluarga pada masa depan - Profil keluarga asas dan kembangan
2	<ul style="list-style-type: none"> • Hidup Bermasyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> - Projek mengindahkan kawasan tempat tinggal - Projek rekreasi tempat tinggal - Projek kenali jiran tetangga - Projek <i>job week</i> - Projek membantu warga tua di rumah kebajikan - Projek membersihkan tempat beribadat/ rumah orang tua/rumah kebajikan - Cadangan meningkatkan kemudahan awam untuk golongan kurang upaya - Projek khidmat sukarela di rumah anak yatim/kanak-kanak istimewa
3	<ul style="list-style-type: none"> • Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> - Persembahan kebudayaan pelbagai kaum - Projek jualan makanan pelbagai kaum - Pameran pelbagai budaya Malaysia - Cadangan pemuliharaan bangunan/artifak bersejarah - Kajian seni bina bangunan bersejarah - Projek stesen radio sekolah

Tingkatan	Tema	Cadangan Khidmat Masyarakat
4	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysia Negara Berdaulat 	<ul style="list-style-type: none"> - Kajian tentang sumbangan pemimpin - Pengumpulan episod menarik dalam sejarah - Pengumpulan kisah/cerita patriotik - Pameran maksud/erti Merdeka - Kajian latar belakang dan maksud bendera/jata negeri dan negara - Kajian tentang flora dan fauna di Malaysia - Cadangan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat: Contohnya:- <ul style="list-style-type: none"> ◊ Meningkatkan sistem pengangkutan awam ◊ Menempatkan semula setinggan ◊ Membersihkan sungai/jalan/pantai/kawasan rekreasi ◊ Menghijaukan kawasan setempat
5	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran Masa Depan 	<ul style="list-style-type: none"> - Merancang mata pelajaran futuristik untuk sumber manusia masa depan - Projek merekacipta sistem pengangkutan mesra alam - Cadangan menyelesaikan masalah perumahan/kesesakan lalu lintas/pengangkutan - Kajian punca dan cara mengatasi gejala gengsterisme di sekolah - Kajian tentang cabaran sistem kekeluargaan masa depan - Kajian kes isu sosial di kawasan setempat - Merancang khemah pelarian atau perkhidmatan kecemasan bencana alam - Merancang projek kerjasama serantau ke arah keamanan seagat

Strategi Pelaksanaan

Dalam usaha menjadikan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai mata pelajaran menarik dan berkesan, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran mesti digunakan. Kepelbagaian strategi ini harus membe penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan berorientasikan aktiviti *hands-on* di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh itu strategi yang dijalankan sewajarnya dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang isu sivik dan kewarganegaraan, menerapkan pelbagai kemahiran dan memupuk nilai sivik dan kewarganegaraan ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, patriotik dan dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.

Penilaian

Untuk mengukur pembelajaran murid dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai, guru digalakkan menggunakan pelbagai cara penilaian. Antara cadangan bentuk penilaian yang boleh dijalankan ialah pemerhatian, senarai semak tingkah laku, ujian, tugasan dan laporan.